

**KELAB  
DAYA  
ILMU** ⚡

# **KIT PANDUAN**



**ETIKA**

# LATAR BELAKANG



ETIKA 

3:31 MINIT 

## RINGKASAN VIDEO:

Seorang wanita dinafikan masuk ke balai polis atas alasan cara berpakaianya. Berdepan dengan penguatkuasaan moral yang sewenang-wenangnya menghalangnya daripada mendapat akses keadilan, beliau mencari cara alternatif untuk mengatasi sistem tersebut.



## CARA MENGGUNAKAN FILEM INI:

- Filem pendek ini sesuai untuk perbincangan mengenai penguatkuasaan moral, kelemahan institusi dan diskriminasi gender.
- Filem pendek ini boleh digunakan sebagai bahan pengajaran mengenai advokasi hak asasi manusia, halangan bersifat sistemik dan kebebasan bersuara di ruang awam.



## **PENGAJARAN UTAMA:**

**Budaya institusi boleh menyebabkan kemudaran:**

**Penguatkuasaan moral secara sewenang-wenangnya, seperti peraturan pakaian yang ketat di pejabat kerajaan, melangkaui penilaian peribadi dan mendatangkan kemudaran secara langsung dengan menafikan akses individu kepada perkhidmatan awam.**


**Kesan terhadap golongan rentan:**

**Halangan sistemik yang tidak adil serta diskriminasi berasaskan gender sering memaksa golongan rentan melalui proses yang tidak wajar, hanya untuk mendapatkan pengiktirafan kepada hak asas mereka.**

**Keperluan sebuah penyelesaian sistemik:**

**Menangani isu-isu ini memerlukan cabaran terhadap budaya institusi yang bermasalah. Ia juga memerlukan kerja advokasi ke arah rangka kerja anti-diskriminasi yang kukuh bagi melindungi individu daripada gangguan pihak berkuasa.**

# PANDUAN



# FASILITATOR



**TEMPOH PERBINCANGAN:  
1 JAM 30 MINIT - 2 JAM**



**SASARAN PESERTA:  
BELIA BERUMUR 17–25 TAHUN**

## INGAT!



Berikan galakan positif untuk mendorong peserta berkongsi pandangan dan pendapat mereka.

Elakkan mengatakan jawapan peserta salah secara langsung. Sebaliknya, gunakan pendekatan yang lebih lembut untuk memperbetulkan jawapan. Contohnya, anda boleh bertanya kepada peserta lain tentang pandangan mereka terhadap isu tersebut.





## **SOALAN PANDUAN:**

**1. Apakah yang anda perhatikan dalam filem tersebut mengenai halangan yang dihadapi oleh wanita itu hanya untuk mengakses perkhidmatan awam? Bagaimanakah kod pakaian digunakan untuk menafikan hak asasnya?**

Bimbing peserta memperhatikan bagaimana kod pemakaian dijadikan senjata sebagai alat untuk menafikan keperluan asas wanita tersebut. Tekankan halangan yang tidak masuk akal yang terpaksa dilalui walaupun beliau memerlukan bantuan, serta bagaimana beliau terpaksa mencari jalan alternatif.

**2. Pernahkah anda atau sesiapa yang anda kenali mengalami penguatkuasaan moral atau diskriminasi berasaskan gender seperti penguatkuasaan kod pakaian dalam filem tersebut?**

Sahkan pengalaman peribadi peserta. Hubungkan pengalaman peribadi mereka dengan filem pendek tersebut dan tunjukkan bagaimana penguatkuasaan moral dan tekanan sosial berlaku dalam kehidupan seharian, terutamanya terhadap wanita.



## **SOALAN PANDUAN:**

**3. Apakah bentuk kemudharatan fizikal, ekonomi atau emosi yang berlaku apabila sebuah institusi menafikan perkhidmatan berdasarkan ekspresi diri atau pemakaian seseorang?**

Terangkan mengenai tahap kemudharatan Bincangkan bagaimana seseorang individu dinafikan untuk membuat laporan polis boleh membawa kepada kemudharatan secara fizikal dan kerugian kewangan. Hal ini membantu mengalihkan perbincangan daripada sekadar “perasaan terganggu” kepada kelemahan institusi yang nyata.

**4. Bagaimanakah budaya institusi dan peraturan yang sewenang-wenang berkembang daripada penilaian peribadi kepada diskriminasi bersifat sistemik?**

Fokuskan dan terangkan bagaimana pihak berkuasa menggunakan naratif yang mengelirukan atau tekanan budaya yang konservatif dalam menentukan cara orang lain berpakaian atau bertindak. Bincangkan bagaimana perkara ini membentuk institusi yang menekan kebebasan individu.




## SOALAN PANDUAN:

5. Sebagai sebuah masyarakat, apakah tindakan komuniti atau rangka kerja undang-undang yang diperlukan untuk menghapuskan kemudaran institusi seperti ini dan melindungi kebebasan bersuara?

Bimbing perbincangan ke arah penyelesaian yang konstruktif. Tekankan keperluan sebuah undang-undang diskriminasi bagi menyokong Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Galakkan penyelesaian di peringkat komuniti seperti mengadakan dialogi, mengenalpasti peraturan atau undang-undang yang bermasalah, serta menyokong organisasi hak asasi manusia.

# GLOSARI



## **PENGUATKUASAAN MORAL:**

Tindakan menilai, mengkritik atau meletakkan piawaian moral peribadi (seperti kod pakaian yang ketat) terhadap ekspresi atau tingkah laku seseorang, yang sering digunakan untuk mengawal golongan rentan.


## **KELEMAHAN INSTITUSI:**

Kemudaran yang disebabkan oleh dasar, peraturan, atau budaya sesebuah organisasi atau badan kerajaan. Dalam konteks ini, hal ini merujuk kepada institusi yang menafikan perkhidmatan atau hak asas berdasarkan piawaian sewenang-wenangnya.

## **PENAPISAN:**

Sekatan atau penapisan bahan, media, atau ucapan yang lazimnya digunakan oleh kerajaan atau badan kawal selia.

# GLOSARI



## **KEBEBASAN BERSUARA (PERKARA 10):**

Jaminan perlembagaan di Malaysia yang membenarkan individu menyuarakan diri mereka dengan bebas. Perkara ini hanya boleh dihadkan secara sah apabila perlu untuk mencegah keganasan atau gangguan.

## **THE 3-PART TEST:**

Piawaian antarabangsa di bawah ICCPR yang digunakan untuk menentukan sama ada sekatan ke atas kebebasan bersuara adalah sah. Sekatan mestilah lulus ujian keperluan, perkadaran, dan kesahihan undang-undang.




## **SUMBER TAMBAHAN / BACAAN LANJUT:**

**Amnesty Malaysia's 'Unsilenced' resource:**  
[unsilenced.amnesty.my](https://unsilenced.amnesty.my)

**Amnesty Academy Course:**  
[Freedom of Expression: A Fundamental Right](#)

**Article 19:**  
[What is Freedom of Expression?](#)

**Centre for Independent Journalism (CIJ):**  
[Report on the State of Freedom of Expression in Malaysia 2025](#)





## **TIP UNTUK MEMUDACARA PERBINCANGAN:**

### **➤ SEBELUM PERBINCANGAN:**

Sediakan rangka soalan, objektif atau hasil yang ingin dicapai daripada perbincangan, serta soalan-soalan yang ingin ditunjukkan.

### **➤ PERMULAAN:**

Perkenalkan diri anda dan terangkan mengenai filem pendek tersebut.

### **➤ PENUTUP**

Rumuskan perkara utama dan pengajaran penting daripada perbincangan.

### **➤ MEMBINA PERBINCANGAN:**

Mulakan dengan soalan asas sebelum beralih kepada soalan yang lebih kompleks:

- Apa yang anda lihat dalam video tersebut?
- Pada pendapat anda, apakah mesej yang ingin disampaikan oleh video ini?
- Bagaimana anda melihat isu ini sebagai satu masalah dalam masyarakat?
- Apakah penyelesaian kepada isu ini?